

03 AUG 1996

PENDEKATAN BARU DIPERLUKAN BAGI MENJAMIN KEJAYAAN MSC

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Satu perbincangan mengenai "Garis Panduan Pelaburan Bagi Projek MSC" hari ini merumuskan bahawa pendekatan baru diperlukan bagi menjamin kejayaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pengerusi Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (MIDA) Datuk Dr Zainal Abidin Sulong berkata Malaysia kini memasuki ambang baru teknologi terkini.

"Oleh itu, kita perlu mengambil kira suasana teknologi yang sentiasa berubah," tegas Dr Zainal Abidin dalam mukadimah beliau pada hari ketiga persidangan dan pameran Multimedia Asia 96 yang bermula 1 Ogos.

Zainal Abidin yang mempengerusikan perbincangan mengenai garis panduan pelaburan berkata konsep MSC membabitkan pelbagai perkara termasuk menjamin prasarana yang mencukupi, tenaga kerja pakar yang mencukupi bagi memajukan perkakasan dan perisian serta keperluan tempat kediaman.

Projek MCS berharga RM5 bilion yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis lalu bertujuan menjadikan Malaysia negara pertama yang menggabungkan kesemua unsur yang diperlukan bagi memenuhi keperluan syarikat-syarikat terkemuka dalam zaman teknologi maklumat.

Koridor Raya Multimedia yang berukuran 15km kali 50 km meliputi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dan bandar Raya IT.

Sementara itu, menurut ketua pengarah MIDA Datuk Zainon Aishah Ahmad, garis panduan mengenai pelaburan yang sedia ada tidak mencukupi bagi memajukan MSC kerana ia disediakan khusus untuk sektor pembuatan.

"Kita memerlukan garis panduan baru bagi menyokong MSC. Dulu ia membabitkan saiz pelaburan tetapi kini ia membabitkan cara-cara untuk menarik minat industri berasaskan ilmu dan daya cipta," jelas beliau.

Pengarah Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd John Lauer pula berpendapat Malaysia perlu berusaha lebih giat untuk memajukan lagi kualiti tenaga kerja yang diperlukan oleh MSC.

"Usaha yang dibuat oleh Malaysia setakat ini masih belum mencukupi berbanding rantau lain. Secara jangka pendek, masalah ini dapat diatasi dengan mengambil tenaga kerja mahir dari luar negara," tegas beliau.

Bagaimanapun, menurut beliau, Microsoft memilih Malaysia sebagai ibu pejabat serantaunya kerana para pemimpin negara ini mempunyai wawasan yang jelas serta dasar liberal yang diamalkan oleh Malaysia mengenai kemasukan pekerja asing di samping wujudnya tenaga kerja mahir yang mampu menguasai bahasa Inggeris dan tidak ketinggalan kedudukan strategik negara ini yang berhampiran dengan Vietnam, Thailand dan Indonesia. -- BERNAMA

JSM DIN MA